

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: Tuesday, August 15, 2017 4:42 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Roslee bin Mardan
Subject: SQS ONLINE : GOTONG-ROYONG PERDANA SQS JALIN PERSEFAHAMAN



**Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif**

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

15 OGOS 2017 | 22 ZULKAEDAH 1438H

Oleh : En. Roslee Mardan
Gambar oleh : Mohamad Fazme Mohamad

GOTONG-ROYONG PERDANA SQS JALIN PERSEFAHAMAN



SQS ONLINE : Jawatankuasa Keceriaan dan Keselamatan, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) dengan kerjasama Kelab Kebajikan SQS hari ini berjaya melaksanakan program Gotong-royong Perdana yang berlangsung di Dataran al-Batani SQS. Program yang berlangsung selama 4 jam itu disertai kira-kira 50 orang staf akademik dan pentadbiran. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Keceriaan dan Keselamatan SQS, Dr. Wan Laailatul Hanim Mat Desa, program ini dilaksanakan bagi menyokong program kumpulan 5S SQS. Selain itu beliau juga mengambil inisiatif tersebut atas saranan Dekan SQS sendiri bahawa, program gotong-royong seumpunya perlu diadakan secara berkala sebagai satu program yang dapat membantu menceriakan bangunan pusat pengajian.

Program yang bermula seawal 8.30 pagi itu diceritakan dengan senamrobik zumba yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Rahela Abdul Rahim selaku ketua pasukan zumba SQS. Program gotong-royong ini juga dimeriahkan dengan kehadiran Dekan SQS, Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya yang banyak memberi dorongan agar program seperti itu dilaksanakan. Menurut beliau, gotong-royong seperti ini dapat menghimpunkan staf SQS dalam suasana yang harmoni bagi merapatkan hubungan silaturahim sesama staf. Ia sesuai dengan bulan kemerdekaan yang menekankan kepada penyatuan dan perpaduan. Beliau dipetik berkata "Selain mengeratkan silaturahim di kalangan staf, kita perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan program gotong-royong ini bagi mengurangkan masalah kekotoran yang berpunca daripada gangguan binatang liar seperti burung. Ujar beliau lagi, sungguhpun dalam keadaan menghadapi kekangan kewangan, staf sendiri perlu turun padang untuk sama-sama dengan pihak Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP) dan Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd. bagi membersihkan persekitaran bangunan SQS". Turut serta dalam program gotong-royong tersebut adalah staf Unit Lanskap JPP dan Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd. Dekan turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf SQS dan JPP serta Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd. yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan program tersebut.

Habis.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.